

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 FEBRUARY 2017

Bersatu tolak ekstremisme walau berbeza agama: PM

BH- 21/2/2017

➔ Rakyat perlu fahami prinsip kesederhanaan, wasatiyyah

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Fahmy Azril Rosli

 bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat terus bersatu menentang ekstremisme dan radikalisme walaupun berbeza fahaman agama dan kepercayaan.

Perdana Menteri berkata, untuk mencapai hasrat ini, prinsip kesederhanaan atau wasatiyyah per-

lu dipromosikan ke dalam masyarakat agar difahami rakyat.

Katanya, beliau optimis jika kuasa agama dapat dimanfaatkan untuk memberi mesej wasatiyyah, agama juga boleh digunakan untuk mempromosikan kelestarian, dengan itu satu tamadun yang mampan dapat diasaskan.

“Kunci utama adalah menyatukan rakyat. Kita perlu memastikan masyarakat berbilang agama terus berhubung antara satu sama lain, membincangkan persamaan yang wujud antara kita dan memastikan kita terus bersatu menen-



Najib melihat buku yang dilancarkan sempena sambutan Jubli Perak IKIM bertema ‘25 Tahun Memupuk Kefahaman’ sambil diperhatikan Abdullah dan Jamil Khir di Kuala Lumpur, semalam.

tang ekstremisme dan radikalisme,” katanya.

Rasmi persidangan

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Agama dan Kelestarian dan Tamadunan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; Pengerusi IKIM, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Pengarah IKIM, Prof Datuk Dr Azizan Baharuddin.

Najib turut melancarkan sam-

butan Jubli Perak IKIM bertema ‘25 Tahun Memupuk Kefahaman’ dan empat buku terbitan institut berkenaan.

Persidangan itu mengumpulkan pakar dalam bidang sains dan sosial dari dalam serta luar negara seperti Bahrain, Arab Saudi, Afrika Selatan, Kuwait dan Amerika Syarikat.

Sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan pada persidangan selama dua hari bermula semalam yang menyentuh isu pembangunan lestari mengikut pandangan Islam, etika kesihatan serta pe-

ranaan wakaf ke arah pembangunan negara yang mampan.

Sementara itu berucap pada Majlis Jamuan Perdana Keamanan dan Keharmonian, di sini malam tadi, Perdana Menteri mahu semua agama menggembleng usaha memperkasakan keamanan dan keharmonian antara kaum supaya dapat melonjakkan Malaysia sebagai negara yang lebih baik.

Najib berharap setiap rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini dipupuk dengan semangat toleransi, bertimbang rasa dan merendah diri.